

KEPENTINGAN INTERNET DALAM BIDANG PENDIDIKAN

Pembangunan laman web sekolah boleh dijadikan sebagai alternatif untuk menyalurkan segala maklumat mengenai sekolah kepada semua pihak.

Ibu bapa tidak akan ada alasan lagi untuk tidak hadir ke sekolah dengan alasan sibuk, seterusnya masalah disiplin murid semakin mudah untuk ditangani.

Segelintir murid lebih rela meninggalkan buku-buku teks di rumah sekali gus menyebabkan mereka melanggar peraturan sekolah yang telah ditetapkan.

Laman web juga memudahkan ibu bapa untuk mendapatkan segala maklumat berkaitan dengan anak-anak seperti rekod disiplin, akademik, dan juga kokurikulum.

Murid lebih selesa menggunakan aplikasi Internet seperti *e-book* sebagai sumber bacaan kerana aplikasi ini menyediakan perkhidmatan yang percuma dan cepat kepada pembaca.

Bagi mereka yang berpendapatan sederhana, tiada alasan untuk memperoleh maklumat menerusi capaian Internet.

Pendahuluan

Pengguna Internet di Malaysia telah meningkat dan kebanyakan pengguna berusia dalam lingkungan 15 hingga 25 tahun. Berdasarkan kajian yang dibuat, rakyat Malaysia membelanjakan sebanyak RM552 setahun dengan bayaran Internet sebanyak RM46 sebulan. Penggunaan Internet tidak hanya terhad di tempat kerja malah institusi pendidikan seperti sekolah dan universiti turut menggunakan Internet sebagai salah satu kaedah pembelajaran yang berkesan. Dewasa ini, komputer menjadi alat penting yang digunakan di kebanyakan sekolah di negara kita. Komputer sering kali digunakan oleh guru-guru semasa menyampaikan pengajaran kepada murid. Majoritinya, murid sekolah kini pandai menggunakan komputer kerana alah bisa tegal biasa.

Idea 1	Murid tidak bergantung pada buku teks lagi kerana tidak sanggup menggalas beg sekolah yang sarat dengan buku teks.
--------	--

Huraian	
---------	--

Contoh/Bukti	
Kesan/Kesimpulan	
Idea 2	Internet juga membolehkan murid dan guru mengetahui dan mengambil bahagian dalam setiap aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah.
Huraian	
Contoh/Bukti	
Kesan/Kesimpulan	
Penutup Sebagai kesimpulannya, peranan semua pihak amat penting dalam memastikan bidang pendidikan di Malaysia tidak ketinggalan dalam arus kemodenan agar negara kita mampu membangun dengan kemahiran dan ilmu yang dimiliki oleh rakyat sendiri. Oleh yang demikian, impian kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju akan tercapai sekali gus mampu melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan tinggi selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Negara, iaitu masyarakat Malaysia yang terlatih dalam pelbagai kemahiran bagi melahirkan tenaga manusia yang produktif, berinisiatif dan berinovatif untuk mentadbirkan alam serta meningkatkan daya pengeluaran ke arah pembangunan negara.	